# EDISI KEDUA:

JANUARI – DISEMBER 2020

DITERBITKAN KHAS OLEH:

PERSATUAN PELAJAR SISWAZAH FAKULTI KEJURUTERAAN AWAM DAN ALAM BINA


# Buletin

# JABATAN PENGAJIAN SISWAZAH FKAAB


**EDITOR:**

DR NOR HAZURINA OTHMAN
MUHAMMAD AMIRUL OMAR
JULIZA ABU BAKAR
NOR FADZILAH PAHAZRI
NUR FATIN LYANA RAHIMI


## ISI KANDUNGAN:


| | |
|---|---|
| Selamat Datang Pelajar Baharu (Sesi 19/20)! | 1 |
| Sharing Session: Organizing your Thesis and Publishing to Journal Article | 1 |
| Big Data Analytics: Knowledge, Technology and Application | 2 |
| Selamat Datang Pelajar Baharu (Sesi 21/21)! | 2 |
| "Community Service Responsibility" SK Seri Rejo Sari, Senggarang, Batu Pahat | 3 |
| Program Stakeholders Symposium Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina | 3 |


## SCHEDULE OF WORK (STUDENTS):

FEBRUARY 2020
Course Registration

MARCH 2020
Application Proposal Presentation
Submission of Progress Report

APRIL 2020
Progress Presentation Symposium
Submission of e-LKP
Submission of Proposal Report

MAY 2020
Proposal Presentation
Submission of Master Project 1 & 2

JUNE 2020
Presentation of Master Project 1 & 2

OCTOBER 2020
Course Registration
Application for Proposal Presentation

NOVEMBER 2020
Submission of e-LKP
Submission of Master Project Synopsis
Submission of Progress Report

DECEMBER 2020
Progress Presentation Symposium
Submission of Proposal Report

JANUARY 2021
Proposal Presentation
Submission of Draft Master Project Report 1 & 2
Master Project Symposium 1 & 2



## *Selamat Datang Pelajar Baharu! (Sesi 19/20)*

Majlis sambutan pelajar baharu telah diadakan pada 27 Febuari 2020. Majlis dimulakan dengan kata-kata aluan oleh Dekan Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina, Professor Ir. Ts. Dr. Mohd Irwan Bin Juki. Seterusnya, diteruskan dengan ucapan kata-kata semangat oleh Professor Madya Ts. Dr. Rafidah Binri Hamdan selaku Timbalan Dekan (Penyelidikan, Pembangunan dan Penerbitan).






Majlis diteruskan lagi dengan penerangan ringkas mengenai fasiliti dan pusat rujukan kepada pelajar baru mengenai program siswazah di fakulti ini oleh Ketua Jabatan Pengajian Siswazah, Ir. Dr. Shahrul Niza Bin Mokhatar.

Di akhir majlis, pelajar baru juga diberikan pendedahan kepada persatuan pelajar siswazah (CiBPS) di fakulti ini yang disampaikan oleh Presiden CIBPS, Muhammad Amirul Bin Omar.



## *«Sharing Session: Organizing your Thesis and Publishing to Journal Article»*



Selepas kedatangan wabak covid-19 melanda dunia pada awal bulan Mac 2020, Penjarakan sosial telah dilaksanakan bagi segala aktiviti universiti. Oleh itu, perkongsian ilmu di atas talian merupakan salah satu alternatif bagi membantu mengekalkan momentum khususnya pelajar pascasiswazah. Satu perkongsian ilmu telah diadakan pada 15 Julai 2020 dengan hasil kerjasama dari persatuan pelajar siswazah (CiBPS) dan *Graduate Student Association* (GSA), UTHM. Penceramah jemputan iaitu Ketua Jabatan Pengajian Siswazah, Ir. Dr. Shahrul Niza Bin Mokhatar menyampaikan ilmu mengenai bagaimana teknik menguruskan tesis dan bagaimana teknik membuat artikel jurnal berindeks. Majlis ini juga dijalankan menggunakan dua kaedah penyampaian iaitu separa fizikal dan separa atas talian. Penyampaian fizikal diadakan terhad kepada 15 pelajar dalam satu kawasan. Perincian pengongsian fizikal ini telah berlangsung selama 2 jam yang bertempat di *GSA Lounge*





***"Jangan takut jatuh kerana yang tidak pernah memanjatlah yang tidak pernah jatuh***

***Jangan takut gagal kerana yang tidak pernah gagal hanyalah orang-orang yang tidak pernah melangkah***

***Jangan takut salah kerana dengan kesalahan yang pertama kita dapat menambah pengetahuan untuk mencari jalan yang benar pada langkah yang kedua"***

***- Buya Hamka -***

## «Big Data Analytics: Knowledge, Technology and Application»

Sesi perkongsian ilmu secara atas talian telah diadakan pada 15 September 2020 oleh Ts. Dr, Nickholas Anting Anak Guntor, pensyarah di Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina yang bertajuk *Big Data Analytics: Knowledge, Technology and Appliacation.*

Perkongsian ilmu ini dilaksanakan oleh Persatuan Pelajar Siswazah (CiBPS) dengan kerjasama *Graduate Student Association* (GSA) UTHM.

Perincian perkongsian ilmu adalah berfokus kepada kefahaman dan prinsip menganalisis pengumpulan data yang besar. Ia juga menekankan tentang bagaimana data-data yang besar dapat diaplikasikan di dalam industri. Secara tidak langsung, Ts. Dr. Nikholas juga menerangkan tentang peranti-peranti yang digunakan dalam bidang penyelidikan dan juga bidnag industri mengenai penganalisa pengumpulan data yang besar.








## Selamat Datang Pelajar Baharu! Sesi 20/21



Majlis sambutan pelajar baharu semester kali ini diadakan secara atas talian yang dikendalikan oleh Persatuan Pelajar Siswazah (CiBPS). Majlis ini dimulakan oleh kata alu-aluan oleh Ts. Dr. Rafidah Binti Hamdan selaku Timbalan Dekan (Penyelidikan, Pembangunan dan Penerbitan) Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina. Majlis diteruskan lagi dengan penerangan ringkas disampaikan oleh Ir. Dr. Shahrul Niza Bin Mokhatar selaku Ketua Jabatan Pengajian Siswazah Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina.

Majlis diteruskan lagi dengan sesi pengenalan Persatuan Pelajar Siswazah (CiBPS), Saudara Muhammad Amirul Bin Omar. Majlis diakhiri dengan soal jawab bersama pelajar baru sesi ini.





## JOM! Rileks




## TIPs & TRICKs!

### 10 Ways to Improve Your Self Awareness

1. Get out of the comfort zone
2. Identify your triggers
3. Do not judge your feelings
4. Don't make decisions in a bad mood
5. Don't make decisions in a good mood either
6. Get to the bird-eye view
7. Look for your emotion in the media
8. Revisit your values and act accordingly
9. Check yourself (especially under stress)
10. Fill the blind spot with feedback

Source: http://www.fromgnometogoliath.com

*" I FAILED a key primary school test two times.*

*I FAILED three times for middle schools.*

*For three years, I tried and FAILED in the universities.*

*So I applied for jobs 30 times, got REJECTED.*

*I went to even KFC when they came to China. 24 people went for the job. 23 people accepted. I was the only one who got REJECTED.*

*I applied for Harvard, for ten times, REJECTED.*

*I think we have to get used to rejection.*

*The only thing. NEVER GIVE UP.*

*- Jack Ma, Chairman of Alibaba Group- -*

*| CSR – Waste to Landscape*

## *"Community Service Responsibility – Waste To Landscape"* SK Seri Rejo Sari, Senggarang, Batu Pahat

Program kemasyarakatan telah di adakan pada 8 Oktober 2020 bagi membuka ruang dan peluang kepada mahasiswa untuk memperoleh pengalaman dan peluang untuk memberikan khidmat masyarakat kepada masyarakat setempat. Program ini juga berorientasikan kepada muhibah dan semangat kerjasama pasukan iaitu dengan pembahagian kumpulan dan aktiviti yang dijalankan adalah secara berpasukan.

Program ini dikendalikan oleh Persatuan Pelajar Siswazah (CiBPS), *Micropollutant Research Centre (MPRC)*, *Jamilus Research Centre* (JRC), Jabatan Pengajian Siswazah Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina dengan kerjasama *Graduate Student Association* (GSA) UTHM. Seramai 15 pelajar terlibat dan 20 pensyarah fakulti telah terlibat.





Program ini berlangsung di Sekolah Kebangsaan Seri Rejo Sari, Senggarang, Batu Pahat bermula 8:00 pagi hingga 12:00 tengahari. Program ini dimulakan dengan kata alu-aluan oleh Guru Besar SK Seri Rejo Sari. Program diteruskan dengan ucapan penghargaan kepada Sekolah Kebangsaan Seri Rejo Sari yang di sampaikan oleh Dr. Nor Hazurina binti Othman, selaku timbalan pengarah program. Antara aktiviti yang dilakukan sepanjang program CSR ini adalah penurapan simen di sekitar kolam ikan sekolah, penukaran pasu pokok bunga mengunakan tayar kitar semula, pembersihan laman dan mengecat pondok kanak-kanak.





## Program *Virtual Stakeholders Symposium* Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina

*| Program Stakeholders*

Program *Virtual Stakeholders Symposium* ini dijalankan pada 6 Disember 2020 menerusi medium atas talian yang dimulai dengan ucapan alu-aluan oleh Ketua Jabatan Pengajian Siswazah, Ir. Dr, Shahrul Niza Bin Mokhatar. Tujuan program ini dijalankan adalah untuk mendapatkan maklum balas daripada alumni, pelajar serta ibubapa peserta program ini tentang program - program pengajian di Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina. Peserta akan diberikan masa untuk membaca ringkasan sillibus pembelajaran di Fakulti ini.



Setelah selesai perbincangan dan maklumbalas, Program ini diteruskan dengan pembentangan fasiliti dan makmal fakulti. Seterusnya diakhiri dengan ucapan dari Dekan Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina, Professor Ir. Dr. Mohd Irwan Bin Juki.




*+60 12-375 5748 (Amirul)*

*+60 12-375 5748 (Amirul)*

*Faculty of Civil Engineering and Built Environment Postgraduate Society (CiBPS)*

*https://ps-fkaas-uthm.weebly.com*